



Ruj. Kami : ANM(T) SPP/81/84/30 Jld. 7 (3)
Tarikh : 20 Jun 2014

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PERSIDANGAN AKAUNTAN ANTARABANGSA MIA (MIA CONFERENCE) 2014

Saya dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Institut Akauntan Malaysia (MIA) akan menganjurkan Persidangan MIA 2014 dengan tema *Powering the Economy, Leading with Dynamism* pada tarikh dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 4 dan 5 November 2014

**Tempat : Pusat Konvensyen Kuala Lumpur
(KL Convention Centre)**

3. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, MIA telah berbesar hati menawarkan kadar yuran sebanyak **RM1,200.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ribu Dua Ratus Sahaja)** bagi semua Akauntan lantikan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Kadar tersebut adalah sah sehingga tarikh persidangan. Sehubungan itu, bersama-sama ini disertakan surat MIA bertarikh 26 Mei 2014 dan risalah Persidangan MIA 2014 untuk perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan.

4. Pendaftaran peserta dari setiap Kementerian/ Jabatan boleh dipanjangkan terus kepada MIA. **Kerjasama Ketua-Ketua Jabatan adalah dimohon untuk menghebahkan maklumat ini kepada Akauntan di Kementerian/ Jabatan.** Dimaklumkan juga bahawa surat edaran dan risalah ini boleh dimuat turun dari laman web Jabatan Akauntan Negara Malaysia (<http://portal.anm.gov.my>).

Sebarang pertanyaan berhubung persidangan ini boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Bil.	Nama	No. Telefon	E-mel
1.	Noor Azlina Abu Bakar	03-22799353	noorazlina@mia.org.my
2.	Muhamad zaki Zakaria	03-22799250	zaki@mia.org.my
3.	Meera Devi	03-22799360	meeradevi@mia.org.my


Kerjasama yang diberikan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ROSINI BINTI ABD SAMAD)

b.p. Akauntan Negara Malaysia

- s.k.
- i. Akauntan Negara Malaysia
 - ii. Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
 - iii. P BPPP